

**TEKS UCAPAN**  
**Y. BHG. PROF. DATUK Ts. DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

MAJLIS PERASMIAN  
SOFT LAUNCHING PENGOPERASIAN RUANG 24 JAM PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH (PLH)  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM).  
17 Mei 2019, 9.30 pagi

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Terima kasih saudara dan saudari pengacara majlis.

- 1. Y.Bhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Mohd Razali Bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- 2. Y. Bhg. Prof. Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- 3. Y. Bhg Prof. Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- 4. Y.Brs. Encik Mohd Isa Bin Mohd Dom**  
Ketua Pegawai Maklumat
- 5. Y.Brs. Encik Azman Bin Hj. Ayup**  
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Staf, Mahasiswa, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas izin dan limpah rahmat-Nya dapat bersama-sama kita berhimpun pada pagi Jumaat yang indah ini bagi merasmikan Pengoperasian Ruang 24 jam Perpustakaan Laman Hikmah Kampus Induk UTeM.

2. Sebelum itu, belum terlambat rasanya untuk saya ucapkan Salam Ramadan Al Mubarak kepada semua muslimin dan muslimat. Semoga Ramadan yang mulia ini membawa seribu kerahmatan dan kebahagiaan kepada kita dalam menjalani kehidupan di dunia dan moga menjadi bekalan yang berpanjangan di akhirat kelak, Insyaallah.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

3. Sebentar tadi, kita telah bersama-sama mendengar bacaan ayat suci Al-Quran dari surah Al-'Alaq beserta terjemahannya. Ayat 1 sehingga 5 dari surah ini adalah ayat-ayat Al-Quran yang pertama sekali diwahyukan oleh Allah SWT kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.A.W.

4. Dalam surah tersebut telah dinyatakan sebanyak dua kali perkataan Iqra' yang bermaksud "bacalah". Ini jelas sekali membuktikan bahawa segalanya bermula daripada 'membaca' iaitu simbolik kepada fitrah keperluan manusia terhadap tuntutan menuntut ilmu, sama ada ilmu untuk kesejahteraan hidup dunia dan akhirat iaitu fardu ain mahu pun ilmu untuk kelangsungan ummah iaitu ilmu fardu kifayah.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

5. Bila kita menyebut tentang budaya keilmuan di UTeM, sudah pastinya tidak lengkap jika tidak melibatkan peranan besar yang dimainkan oleh Perpustakaan Laman Hikmah sebagai sebuah pusat keilmuan dan maklumat kepada keseluruhan warga Universiti. Kini, dalam menjangkau usia lebih dari 18 tahun penubuhannya, kita dapat melihat Perpustakaan Laman Hikmah telah meneroka dan mengaplikasi pelbagai bentuk inisiatif

dan inovasi yang boleh dianggap sebagai usaha penambahbaikan berterusan yang dinamik demi survival sebuah perpustakaan akademik yang cemerlang.

6. Nyata sekali, Perpustakaan Laman Hikmah telah mengalami kemajuan evolusi secara berfasa yang matlamatnya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk mendukung visi dan misi Universiti itu sendiri. Tahun 2018 sehingga 2019 menyaksikan Perpustakaan Laman Hikmah telah mencatatkan pelbagai kejayaan seperti terpilih menjadi salah satu destinasi yang dilawati oleh delegasi dari International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) sempena World Library and Information Congress (WLIC) kali ke 84 di Kuala Lumpur.

7. Selain itu, projek menaiktaraf Aras 1 sebagai *Learning Commons* memberi impak yang lebih informatif dan fleksibel menerusi kewujudan Galeri Canselor, Games Zone, Ruang Santai serta pengubahsuaian bagi keperluan perkhidmatan Ruang 24 Jam. Skop perkhidmatan juga telah berkembang dengan penawaran perkhidmatan One Stop Centre di kaunter yang bukan sahaja menguruskan transaksi perpustakaan semata-mata namun turut menyediakan perkhidmatan semakan dan transaksi bayaran dari Bahagian Pengurusan Organisasi, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Kolej Kediaman.
8. Perpustakaan Laman Hikmah juga telah berjaya menukar sistem perpustakaan bersepadu daripada Sistem ILMU kepada Sistem KOHA yang berasaskan sumber terbuka yang ternyata boleh menyumbang kepada penjimatan kewangan selain dapat mempertingkatkan

kompetensi tenaga dalaman dari sudut penyelenggaraan bagi jangka panjang. Dari segi pembangunan koleksinya, Perpustakaan Laman Hikmah telah membuat gerak kerja yang intensif dalam mendapatkan sumbangan bahan daripada warga UTeM khususnya dan turut melibatkan komuniti setempat melalui projek sumbangan bahan “Keep A Book Alive”. Penganjuran Pesta Buku pula, yang menjadi acara tahunan sejak dari tahun 2017 terus diadakan bagi memastikan warga UTeM memperoleh bahan bacaan dan sumber rujukan yang berkualiti daripada penerbit dan pembekal buku tempatan dan antarabangsa.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Terkini, pada tahun 2019 ini, Perpustakaan Laman Hikmah telah diberi amanah besar dengan menjadi penggerak utama program

“Read@Uni” yang diinspirasikan oleh YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Ia merupakan program anjuran Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) melalui Pusat Sitasi Malaysia bagi mencapai hasrat Malaysia sebagai negara membaca menjelang 2030.

### **Hadirin dan Hadirat sekalian,**

10. Besarlah harapan pihak Universiti, dengan adanya pengoperasian ruang 24 Jam ini, mahasiswa dapat menggunakan perpustakaan dengan kadar masa yang lebih maksimum serta dapat menyumbangkan sesuatu yang lebih baik dalam pencapaian akademik dan sahsiah diri. Menerusi statistik yang telah direkodkan sejak Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk dibuka pada 29 September 2009 sehingga tahun 2018, perpustakaan telah mencatatkan lebih daripada 1.7 juta kehadiran pengguna secara

fizikal. Statistik pengunjung bulanan telah mencecah antara 11,000 hingga 15,000 orang pada setiap bulan dan trend ini meningkat terutamanya ketika musim peperiksaan.

11. Saya menyeru kepada semua warga UTeM khususnya mahasiswa dan mahasiswi untuk terus memanfaatkan perpustakaan laman hikmah ini dengan sebaik-baiknya. Jadikanlah perpustakaan sebagai rumah kedua kerana saya amat yakin dengan segala kemudahan dan perkhidmatan terbaik yang diberikan oleh Perpustakaan Laman Hikmah ini.

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

12. Akhir kata, sekali lagi, saya bagi pihak Universiti merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah di atas segala usaha dan komitmen Perpustakaan Laman Hikmah dalam merealisasikan pembangunan dan kemajuan di UTeM yang dicintai ini.
13. Oleh itu, dengan lafaz bismillahirahmanirrahim, saya merasmikan Pengoperasian 24 Jam Aras 1 Perpustakaan Laman Hikmah Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Sekian Terima kasih.